

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 30/8/2013

Muka surat: 7

Tajuk : Bengkel Penerbitan Video, 2-6 Sept.

## Bengkel Penerbitan Video, 2-6 Sept

**KUCHING:** Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) akan menganjurkan Bengkel Penerbitan Video pada 2 hingga 6 September depan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

Bengkel akan dikendalikan oleh seorang graduan Diploma Perfileman daripada Akademi Perfileman Malaysia (AFM) Khalid Sulaiman.

Khalid merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam bidang kamera video, lakonan, sudut kamera dan terlibat dalam penerbitan video seperti drama TV, dokumentari dan majalah.

Beliau memulakan kerjaya dalam bidang penerbitan sejak 1994 hingga kini dan menyanggah pelbagai jawatan seperti penolong pengarah penerbitan, penolong pengarah/konting, pelakon, penulis skrip, jurukamera, penataan seni, pengurus seni, pengurus produksi serta tenaga pengajar.

Kepada yang berminat untuk menyertai bengkel ini sila hubungi Dayangku Mazlena atau Aslinda di talian 082-255118. Yuran penyertaan adalah RM100.